



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH  
URUS SETIA PENGAMBILAN  
DI KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan  
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam  
Negara Brunei Darussalam.**

**KETUA PEMBANTU TEKNIK (C.3-4 EB.5)  
JABATAN PERANCANGAN DAN PENGURUSAN ESTET  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.
- (E) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalender Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (F) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**KETUA PEMBANTU TEKNIK  
JABATAN PERANCANGAN DAN PENGURUSAN ESTET  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 EB KHAS \$3,040 - \$3,320 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = TIGA (03)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) *BDTVEC / BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang Arkitek / Bangunan / Kejuruteraan Awam / Kejuruteraan Elektrik / Kejuruteraan Mekanikal / Pembinaan / Ukur Bahan atau bidang bersesuaian.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Pendidikan dalam jawatan yang bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Mengetuai Pembantu Teknik Kanan, Pembantu Teknik dan Penolong Kerja Luar dalam mengendalikan dan pengurusan projek di sekolah-sekolah, Jabatan-Jabatan dan perumahan di bawah kawalan Kementerian Pendidikan;
2. Mengadakan lawatan pemeriksaan dan pemantauan kerosakan-kerosakan bangunan yang diterima melalui aduan-aduan untuk diteliti sebelum tindakan diambil;
3. Menyediakan laporan pemeriksaan, memastikan kerja-kerja yang dilaksanakan adalah mengikut spesifikasi dan membuat pemeriksaan pengesahan kerja siap projek yang dikendalikan oleh Jabatan ini bagi tujuan proses pembayaran;



4. Membantu Jurutera dalam penyediaan dokumen tawaran \$50,000.00 ke atas dan \$50,000.00 ke bawah bagi tujuan pengiklanan projek-projek;
5. Membantu membuat penilaian sebutharga untuk dihadapkan kepada:
  - a. Lembaga Tawaran Kecil Kementerian Pendidikan bagi projek \$50,000.00 ke bawah; dan
  - b. Jawatankuasa Tawaran Sebutharga Jabatan Perancangan dan Pengurusan Estet bagi projek \$2,001.00 - \$50,000.00.
6. Melaksanakan / menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Pengarah, Penolong Pengarah, Jurutera Kerja Kanan dan pegawai-pegawai atasan.